AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

فليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 2 | RABU 11 JANUARI, 1984. | رابو 7 ربيع الاخير 1404 | PERCUMA

# BRUNEI DIRASMI AHLI ASEAN

NEGARA Brunei Darussalam dengan rasminya telah menjadi anggota Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara ASEAN.

Upacara perasmian keanggotaan Negara Brunei Darussalam ke dalam pertubuhan itu telah dilangsungkan di Ibu Pejabat Urusetia ASEAN di Jakarta pada hari Sabtu 7 Januari yang lalu.

Dengan kemasukan Negara Brunei Darussalam itu menjadikan bilangan anggota pertubuhan tersebut kepada enam. Pertubuhan yang ditubuhkan dalam tahun 1967 itu dianggotai oleh Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Negeri Thai.

Keanggotaan Negara Brunei Darussalam ke dalam ASEAN itu telah dipersetujui sebulat suara oleh kelima-lima Menteri Luar ASEAN dalam sidang khas tertutup sebelum pengisytiharan kemasukan Negara Brunei Darussalam itu.

Surat Pengisytiharan kemasukan Negara Brunei Darussalam telah ditandatangani oleh Menteri-Menteri Luar tiap-tiap anggota iaitu Menteri Luar Indonesia yang juga selaku Pengerusi Tetap ASEAN, Professor Dr Mochtar Kusumaatmadja; Menteri Luar Malaysia, Tan Seri Ghazali Shafie; Menteri Negara bagi Hal Ehwal Filipina, Encik A.M.Tolentino, Menteri Luar Republik Singapura, Encik S. Dhanabalan dan Menteri Luar Thailand, Marshall Udara Siddhi Savetsila.

### MENANDATANGANI

Sementara menandatangani bagi pihak Negara Brunei Darussalam ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, selaku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Upacara menandatangani pengisytiharan itu diikuti dengan ucapan-ucapan dari wakil setiap anggota bagi mengalu-alukan keanggotaan Negara Brunei Darussalam itu.

Menteri Luar Indonesia, Professor Dr Mochtar Kusumaatmadja menyatakan kemasukan Negara Brunei Darussalam ke dalam ASEAN bukan saja menambahkan bilangan keanggotaannya dari lima kepada enam buah, malah ia akan mengukuhkan lagi kekuatan ASEAN secara menyeluruh.

Beliau berkata dari segi kedudukan Negara Brunei, tenaga manusia, semangat rakyat serta sumber aslinya yang banyak akan menambah dan mendalamkan lagi erti kerjasama ASEAN berdasarkan kepada prinsip di mana ASEAN ditubuhkan.

Beliau selanjutnya berkata bahawa ASEAN berazam memulihkan keamanan di rantau ini berdasarkan kepada kebebasan, kerjasama baik dan hidup bersama secara aman damai.

Lihat muka 16



## D.P.P.W. berangkat pulang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah telah selamat pulang dari Jakarta pada malam Isnin lalu setelah menghadiri Pengisytiharaan Rasmi Keanggotaan Negara Brunei Darussalam dalam ASEAN.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir yang diiringi oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah tiba kira-kira jam 9.30 malam dengan penerbangan BI 428.

Turut pulang pada malam itu ialah ahli-ahli rombongan yang terdiri dari pegawai-pegawai kanan, termasuk Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan lain-lain Kerabat Diraja berada di lapangan terbang untuk mengalu-alukan keberangkatan pulang Yang Teramat Mulia (gambar kiri).

## Lantikan Setiausaha Tetap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan perlantikan dua orang pegawai kanan Kerajaan sebagai Setiausaha Tetap dua buah Kementerian.

Dato Paduka Awang Selamat bin Munap dilantik sebagai Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri sementara Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali bin Haji Mohd Daud dilantik sebagai Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kedua-dua lantikan itu bermula pada 5 Januari, 1984.

Sebuah kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri berkata semua persuratan kepada kedua Jabatan berkenaan dari Ketua-Ketua Jabatan atau seksi Jabatan Kerajaan hendaklah dialamatkan kepada Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan.

Sementara itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam juga telah berkenan melantik Pengarah Muzium-Muzium Brunei, Awang Abd Razak bin Mohammad sebagai Pemangku Pengarah Pelajaran; Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abd Saman bin Kahar sebagai Timbalan Pengarah Pelajaran dan Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Haji Suni bin Haji Idris sebagai Ketua Pos Agung.



DATO Paduka Awang Haji Md. Ali bin Haji Md. Daud.



DATO Paduka Awang Selamat bin Munap.

## Dilantik semula

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik semula Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Mohd Taha menjadi Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

Lantikan tersebut adalah untuk selama lima tahun mulai dari 1 Januari, 1984.

## Ucapan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah menerima lebih banyak lagi sembah ucapan tahniah bersempena Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

Sembah-sembah ucapan tahniah itu diterima dari Raja Nepal, King Birendra Bir Bikram Shah Dev; Raja Thailand, King Bhumibol Adulayadej; Raja Omen, Sultan Qabaos bin Said; Raja Sweden, King Carl XVI Gustas; Tuan Yang Terutama Presiden Republik Turki, General Kanan Everen; Tuan Yang Terutama Presiden Republik Chili.

Tuan Yang Terutama Presiden Republik Zambia, Dr Kenneth David Kaunda; Tuan Yang Terutama Presiden Switzerland, Leon Schlumps; Tuan Yang Terutama Presiden Peru, Arq Farnado Belaunde; King Saudi Arabia, King Fahd bin Abdul Aziz Al-Saud; Tuan Yang Terutama Presiden Syria, Hafez Al-Assad; Tuan Yang Terutama Presiden Republik Korea, Chun Doo Hwan, Tuan Yang Terutama Presiden Indonesia, Presiden Suharto; Tuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Jepun, Yasuhiro Nakasone.

### MANISNYA IMAN

"MEREKA bersumpah kepada kamu dengan nama Allah untuk menyenangkan hati kamu, pada hal mereka lebih patut memperbuat untuk menyenangkan Allah dan Rasul-Nya, kalaulah mereka betul orang-orang yang beriman." Makna ayat 62, Surah At-Taubah.

Pelita Brunei

11 JANUARI, 1984

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## SETELAH MERDEKA: MEMELIHARA DAN MENERUSKAN KEMANTAPAN

SEPERTI yang dijangkakan, kemerdekaan negara kita telah diterima baik oleh masyarakat antarabangsa.

Di peringkat rasmi, kita telah menerima perutusan tahniah dari beberapa buah negara jauh dan dekat. Masing-masing menyatakan harapan serta kepercayaan kepada keupayaan kita menjalinkan perhubungan antarabangsa dengan sempurna. Maka dari segi ini sahaja kita berkesimpulan bahawa kita bolehlah menambahkan keyakinan terhadap masa depan yang lebih cerah dengan kita akan beroleh lebih kebajikan dan kesejahteraan di dalam negeri di samping dapat mengatasi cabaran dalam perhubungan antarabangsa.

Sesungguhnya memang pencapaian semula kemerdekaan itu telah awal-awal lagi kita anggap sebagai menambahkan bebanan dan tanggungjawab. Dan kita menerima hakikat itu dengan menginsafi keupayaan kita sendiri. Tetapi tentu sekali kita tidak dapat mengelak daripada tanggungjawab yang bertambah itu bahkan seperti yang dapat difahamkan dari susunan Kerajaan yang diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan baru-baru ini ternyata betapa tanggungjawab itu akan dilaksanakan secara yang lebih berkesan.

Jika dihubungkan sambutan baik negara-negara luar terhadap kemerdekaan kita itu dengan kemantapan suasana di semua bidang, maka sudah barang tentu masyarakat antarabangsa akan bertambah yakin apabila kita memasuki era baru dengan azam yang kuat bagi meneruskan kemantapan itu. Dari aspek ini kita bolehlah menaruh jangkaan betapa Kerajaan di bawah kepimpinan langsung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan akan lebih berupaya bukan sahaja meneruskan kemantapan bahkan juga mengukuhkan keteguhan negara.

Mengenai keteguhan negara, kita telah berkali-kali menegaskan bahawa Brunei yang merdeka perlu terus-menerus mantap dan teguh dengan mempunyai Kerajaan yang berwibawa yang bukan sahaja untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat bahkan juga untuk memberikan kepimpinan dan mentadbirkan negara sepenuhnya. Kita menegaskan bahawa Kerajaan yang sedemikian setentunya akan mengambil kira sokongan serta kepercayaan rakyat. Kita telah menegaskan sedemikian sebab kita bulat percaya kepada kepentingan sebenar negara dan rakyat akan terus menjadi keutamaan dalam apa jua langkah dan tindakan. Atas sebab yang sama jugalah kita menaruh harapan yang baik terhadap pencapaian kemajuan yang berterusan oleh rakyat dengan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda.

Sekali lagi jika sambutan hangat negara-negara luar sama ada yang jauh mahupun dekat itu dapat dikaitkan dengan kemantapan negara kita maka terhadap kemantapan itu jugalah hendaknya semua kita akan terus memberikan sumbangan.

Hendaknya kita akan sama-sama terus berwaspada memelihara kemantapan itu dengan semua pihak dapat mengawal diri supaya tidak menjadi punca 'galurat'.

# MANFAATKAN KEMERDEKAAN MENURUT HUKUM ALLAH

**BERIKUT ini diperturunkan ucapan Y.B. Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika merasmikan Masjid Kampong Sungai Besar pada 1 Januari 1984.**

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w yang telah memimpin umatnya supaya menegakkan kedaulatan dan kemerdekaan kehidupan di bawah petunjuk Allah yang penuh dengan rahmat dan kebajikan.

Terlebih dahulu saya sukacita merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei serta ahli-ahli Jawatankuasa Pembukaan Rasmi Masjid Sungai Besar ini kerana sudi menjemput saya hadir dan seterusnya menyempurnakan pembukaan rasmi masjid yang indah ini.

### MENJADI BUKTI

Sesungguhnya pembukaan Masjid Sungai Besar ini adalah menjadi salah satu lagi bukti yang nyata mengenai dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang tidak pernah berganjak dari usaha-usaha meninggikan syiar ugama Islam di negara ini dari masa ke semasa sesuai dengan kehendak Perlembagaan yang telah mengabdikan Islam sebagai ugama rasmi.

Di samping itu, Kerajaan juga senantiasa membuat langkah-langkah yang bertujuan pada menyebarkan ajaran-ajaran Islam itu di kalangan rakyat dan penduduk negara ini semata-mata menuju matlamat kita bersama iaitu menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap penuh kebajikan, kemajuan serta mendapat keredaan Allah.

Pembukaan rasmi masjid ini juga bertepatan dengan suasana Negara Brunei Darussalam mengambil alih semula tanggungjawab antarabangsa sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka penuh.

Bersempena dengan sukut baik ini memang selayaknyalah kita mengambil ingatan bahawa di antara tanggungjawab utama pada memberi isi dan erti kemerdekaan itu termasuklah sumbangan kita pada menegakkan hukum-hukum ugama Islam tanpa merosakkan asas-asas kehidupan yang mesra dan bersefahaman antara berbagai puak keturunan di negara ini.

Perkara yang sedemikian adalah sesuai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri baru-baru ini.

### KEHIDUPAN MESRA

Dalam majlis itu Baginda antara lain telah bertitah : "Kita memang berhajat supaya di zaman kemerdekaan nanti kita akan dapat meneruskan asas-asas kehidupan yang mesra dan bersefahaman antara berbagai puak keturunan yang mencurahkan taat setianya kepada negara ini berasaskan undang-undang dan apa jua peraturan yang telah ditetapkan dengan tidak mengenepikan hukum-hukum ugama Islam kita. Menegakkan hukum-hukum ugama Islam adalah juga bererti menegakkan mertabat dan harga diri kita sebagai suatu bangsa yang merdeka kerana ugama Islam itu sendiri penuh dengan ajaran-ajaran pada memelihara kemerdekaan negara dengan jalan mempastikan supaya keturunan kita akan dapat mewarisi dan meneruskan nikmat dan rahmat kemerdekaan itu dengan cara yang diredai Allah."

### UMAT YANG BERJAYA

Adalah nyata bahawa masalah kita pada masa ini bukanlah sebagaimana memilih dasar atau memilih hukum yang akan diikuti dalam menjalani kehidupan bernegara dan bermasyarakat di zaman kemerdekaan ini akan tetapi ialah bagaimana mempastikan supaya setiap rakyat dan penduduk negara ini senantiasa memanfaatkan dan mengamalkan ajaran-ajaran ugama dan dasar-dasar Islam secara yang selayaknya bagi membuktikan bahawa kita adalah suatu bangsa yang mengerti akan hakikat dan tanggungjawab kemerdekaan ini.

Satu hal yang sudah pasti ialah bahawa kita akan penuhi kemerdekaan itu dengan usaha-usaha yang berterusan bagi mencapai berbagai pembangunan dan kemakmuran kebendaan. Bersabit dengan cita-cita tersebut maka inilah saatnya bagi kita memanfaatkan ajaran ugama yang mencintai kemajuan itu dengan jalan melipat gandakan usaha di bidang masing-masing.

Kita tidak hanya bertanggungjawab menyediakan tenaga-tenaga manusia yang terpelajar, terlatih dan berkemahiran tetapi yang lebih utama ialah bagaimana menentukan supaya bangsa kita turun-temurun yakni dalam jangka pendek dan jangka panjang kekal menjadi suatu umat yang beriman, umat yang berjaya, umat yang sempurna dan mampu mengendalikan bangsa dan negara kita sesuai dengan sifat orang-orang Brunei yang senantiasa patuh pada hukum, setia kepada Raja dan menyintai kejayaan hidup menerusi usaha yang diredai Allah.

Sifat-sifat seperti ini memang diperlukan kerana yang mempertahankan nilai kemerdekaan itu bukanlah jasmani manusia tetapi ialah rohaninya yang terbentuk dengan keyakinan yang bertuhan kerana hanya keyakinan seperti inilah sahaja yang membolehkan jasmani manusia bergerak ke arah pembangunan yang seimbang atau kemajuan yang meluas.

Dengan ini tidaklah ada ruginya bagi kita memelihara kemerdekaan Brunei dengan tidak mengketepikan hukum-hukum ugama Islam kita. Bahkan dari pengalaman berbagai negara lain kerugian dan kebimbangan tentang kerosakan hidup nampaknya adalah berpunca dari kemerdekaan yang mengketepikan petunjuk Tuhan.

### SEMUA PESERTA

Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Pehin Orang Kaya Ratna Diraja yang telah menyampaikan tahniah atas lantikan saya daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Menteri Pelajaran dan Kesihatan. Semoga Allah Subhanahu Wataala akan mengkabulkan doa Yang Berhormat Pehin itu.

Dalam soal mengendalikan masyarakat yang telah berkementerian ini, sebagaimana yang sudah-sudah dan lebih-lebih lagi pada masa-masa yang akan datang, sebenarnya dalam pembinaan masyarakat Islam tidak ada seorang pun yang seharusnya menjadi penonton. Semuanya menjadi peserta. Diiktibarkan kepada badan perniagaan tidak ada seorang pun yang makan gaji atau sebagai pekerja. Semua jadi 'share-holder' yang memegang saham.

Maka dalam mengendalikan hidup kita sebagai sebuah negara yang merdeka ini, saya ibaratkan sebagai sebuah perahu. Yang mengemudi bertanggungjawab untuk meluruskan haluan dari semasa ke semasa. Yang mencaruk adalah bertanggungjawab untuk menserentakkan tempo perkayuhan tetapi tenaga kekuatan yang sebenarnya ialah pekayuh di antara pencaruk dengan pengemudi.

Maka dalam kontek itulah pekayuh-pekayuh itu adalah terdiri daripada seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam ini sama ada yang bertugas di dalam Kerajaan, yang bertugas di luar Kerajaan, yang bertugas sebagai pengendali usaha-usaha persendirian dan seumpamanya, itulah raksasa tenaga kekuatan Negara Brunei Darussalam.

Maka dengan itu saya penuh berharap dan penuh yakin kita akan terus melangkah dan memenuhi era yang baru ini demi untuk kepentingan masyarakat Negara Brunei Darussalam yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala.

Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Jawatankuasa yang telah sudi menjemput saya hadir pada petang ini.

## Gelang emas dijumpai

BANDAR SERI BEGAWAN. — "Majlis Ugama Islam, Brunei mengumumkan siapa-siapa yang kehilangan gelang emas bolehlah berhubung dengan Pengelola Baitul Mal Zakat dan Fitrah di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei bila-bila masa pejabat dibuka.

Gelang tersebut telah dijumpai tercicir di belakang kawasan Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei".

## Tayangan filem percuma

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Perkhidmatan Pelajaran Muzium Brunei akan menayangkan filem BORNEO FROM THE BEGINNING pada 12, 14, dan 15 Januari, 1984 jam 10.00 pagi dan 2.30 petang.

Filem dokumentari ini akan melihatkan kerja-kerja carigali akilogi yang telah dilakukan di Gua Niah, Sarawak.

(Filem adalah pinjaman dari Bahagian Khidmat Pelajaran Syarikat Minyak Shell Brunei.)

## Pencalonan Ketua Kampong Danau

TUTONG. — Majlis penamaan calon bagi Ketua Kampong Danau Tutong akan diadakan pada hari Jumaat 20 Januari, 1984 jam 8.30 pagi bertempat di Dewan Sekolah Melayu Danau, Tutong.

Penduduk-penduduk yang berumur 21 tahun ke atas yang tinggal di sekitar kampung-kampung tersebut adalah diminta supaya dapat hadir pada tarikh, waktu dan tempat yang ditetapkan.

Syarat-syarat untuk menjadi calon adalah seperti berikut:

(a) Calon hendaklah sudah bermastautin dalam kampung-kampung tersebut sekurang-kurangnya 3 tahun dan setelah dilantik dikehendaki bermastautin secara tetap dalam kampung tersebut;

(b) Calon mestilah berumur tidak kurang daripada 30 tahun;

(c) Calon sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya atau Darjah VI sekolah Melayu.

(d) Calon mestilah bukan Pegawai Kerajaan, Kakitangan Syarikat atau Badan Perniagaan.

Borang-borang pendaftaran sebagai calon boleh diperolehi daripada Pejabat Daerah Tutong.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



# ISTIADAT PENGKEBUMIAN HORMAT TENTERA

(Sambungan) Siri ke-208

## Yang Berbahagia dan Kecewa Di alam Barzakh

Menurut dalam sebuah Hadis yang dahulu dari ini, menyatakan bahawa orang yang mati dalam kuburnya sebagai orang tenggelam di laut, dia mencapai dan bergantung pada apa yang dapat ia capai dan temui bagi menyelamatkan nyawanya, begitulah orang mati berharap-harap akan pertolongan dan belas kasihan saudara mara dan kerabatnya yang terdiri daripada anak-anaknya, ibu bapanya dan kaum kerabatnya pada menolong kesusahan yang ditemuinya di dalam kuburnya itu, dari itu ugama Islam menyuruh kita umat Islam berdoa meminta rahmat dan meminta ampun bagi pihak orang-orang mati itu di mana malaikat juga mendoakan dan meminta ampunkan bagi orang mukmin dan mukminat serta melaknat dan mengutuk orang fasik dan jahat.

Beruntunglah kiranya ibu bapa yang mendidik anak-anak supaya taat kepada Allah s.w.t. dengan memasukkan ke sekolah Ugama dan sekolah-sekolah yang mendidik dan melatih berugama dan beribadat serta hidup cara umat Islam dan berpakaian cara tradisi umat Islam.

Kecewalah ibu bapa yang tiada mengira kehidupan akhirat di samping kehidupan di dunia dengan memasukkan anak-anaknya ke sekolah misi Nasrani, sekolah-sekolah sekitar keduniaan dan jauh dari hidup cara Islam dan tiada berugama, dan lalai dari hidup taat dan beribadat kepada Allah taala, sekalipun anak-anak itu menjadi profesor, doktor, dan mendapat berbagai-bagai ijazah serta berpangkat tinggi, kiranya tiada dilatih hidup berugama dari masa kanak-kanak dan dalam suasana taat dan beribadat kepada Allah taala, adat resam Islam dan berpakaian menutup aurat kepala, leher, lengan dan betis cara Islam.

Berbahagialah ibu bapa yang sentiasa mengambil kira menghalakan anak-anaknya ke jurusan akhirat serta dunia dan celaka dan kecewalah ibu bapa yang sentiasa mengambil kira menghalakan anak-anak semata dengan mengabaikan akhirat.

Firman Allah taala yang tafsirannya: *"Hai mereka yang beriman ambillah perlindungan bagi diri-diri kamu dan orang-orang yang di bawah tanggung-jawab kamu, isteri-isteri kamu, anak-anak kamu dan anak-anak kamu laki-laki dan perempuan, dan hamba-hamba kamu dari api yang dahsyat, batu dan kayu apinya manusia yang kafir, dan batu-batu yang menyala-nyala yang sangat panas setengah dari batu-batu itu berhala-berhala dan patung-patung yang dibuat dari batu-batu, bukanlah panas itu seperti panas kayu api di dalam dunia ini, api itu dikawal oleh malaikat-malaikat yang sangat bengis dan gagah, mereka tiada derhaka kepada Allah taala pada apa yang telah Allah taala perintah buat akannya, dan mereka menjalankan tugas apa yang telah diperintahkan mereka akan buat (dari Al-Jalalain)."*

Benarlah Allah taala, berbahagialah orang Islam yang mengambil ingatan dan insafkan dirinya keseorangan dalam kubur sebagaimana insafnya Khalifah Sayidina Othman r.a. ketika melihat nisan kubur.

WALLAHUAKLAM

# SIFAT-SIFAT YANG PATUT DIMILIKI DALAM MEMBANGUN NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sedar, tegas, berpengetahuan dan berpengalaman serta beriman kepada Allah adalah di antara sifat-sifat yang patut dimiliki oleh rakyat Negara Brunei Darussalam dalam meneruskan pembangunan negara ini.

Y.B Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Hj. Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama menegaskan demikian semasa berucap dalam majlis penyampaian sijil kepada penuntut-penuntut Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada 2 Januari lalu di maktab tersebut.

### TENAGA SEDAR

"Brunei berkehendakan kepada orang-orang Brunei jati dan rakyat Brunei sendiri untuk mendukung dengan seikhlas-ikhlasnya akan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam, yang mana mereka itu benar-benar diharapkan supaya menjadi tenaga yang sedar, tegas, berpengalaman dan berpengetahuan, serta beriman kepada Allah bagi menyempurnakan pada mencapai matlamat dalam membentuk sebuah masyarakat Brunei yang kukuh serta bersatu padu dan makmur yang di antara lain sifat-sifatnya ialah ingin menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap lagi sempurna," ujar Y.B menjelaskan.

Sehubungan dengan itu menyentuh peranan guru-guru ugama Y.B Pehin Orang Kaya Ratna Diraja berkata mereka mempunyai peranan yang penting dalam membentuk generasi yang akan datang, khasnya dari segi keislaman seelok-eloknya memikirkan manusia bentuk bagaimana yang menjadi matlamat pembentukan itu.



SALAH seorang yang baru tamat kursus sedang menerima sijil yang disampaikan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain.

Dalam membentuk generasi akan datang ujar Y.B lagi, kita tidak boleh berlepas daripada kesan-kesan yang kita warisi sekarang ini daripada generasi-generasi yang terdahulu daripada kita.

Terdahulu sebelum itu Y.B Pehin Orang Kaya Ratna Diraja telah menyempurnakan penyampaian sijil-sijil dan hadiah-hadiah kepada penuntut-penuntut yang baru saja menamatkan kursus perguruan mereka dari kedua-dua bahagian kursus A dan B bagi tempoh kursus 1980-1983 yang mengandungi seramai 46 orang penuntut.

Penuntut terbaik kursus A ialah Dayang Mahani bte Haji Musa manakala Dayang Hjh. Siti Arbi bte Hj. Libut pula penuntut terbaik kursus B.

Sebelum itu juga ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengetua Maktab tersebut Awang Haji Md. Jali bin Abd. Latif yang juga selaku pengerusi majlis penyampaian sijil tersebut.

### SIMPOSIUM

Majlis hari itu juga telah diselajurkan dengan Simposium Guru-guru Ugama Senegeri sempena kemerdekaan Negara Brunei Darussalam yang bertemakan "Guru Pembentuk Generasi Akan Datang".



SEBAHAGIAN daripada Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan jemputan khas di majlis tersebut. Gambar oleh A. Hj. Mohammad Metassan.

# ALLAH TIDAK MENSIA-SIAKAN BANGSA YG BERTAKWA




MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Alhamdulillah, pada hari ini kita sudah berada dalam era baru sebagai negara yang merdeka lagi berdaulat penuh, mudah-mudahanlah kita bersyukur dan akan terus bersyukur dengan rahmat Allah ini, dan akan terus memeliharanya hingga ke anak cucu kita turun-temurun.

### NEGARA MERDEKA

Kita berdoa, mudah-mudahan negara merdeka Brunei Darussalam akan terus mendapat perlindungan Allah. Hanya Allah sebagai kuasa tertinggi dari segala kekuasaan yang kita harapkan untuk menyelamatkan kita, dan untuk mengekalkan nikmat, lebih-lebih lagi nikmat merdeka yang tidak menyimpang dan tidak terbabas dari hukum-hukum Allah.

### ALLAH SENTIASA MENOLONG

Yang mustahak kita orang-orang Islam dalam memelihara negara kita yang kita cintai ini, ialah niat yang baik serta amalan yang bagus, hendaklah diamalkan oleh setiap orang-orang Islam, sama ada kita berkhidmat sebagai pegawai dan kakitangan Kerajaan ataupun bukan.

Dan amalan salih sekali lagi dikerjakan oleh masing-masing. Jauhkan diri dari segala maksiat dan perbuatan keji yang dilarang oleh Allah, insya-Allah, akan selamatlah kita, akan bahagialah kita, bukan sahaja selamat dan bahagia di dunia ini, juga akan selamat dan bahagia di alam akhirat. Allah tidak akan mensia-siakan bangsa yang bertakwa, kerana Allah itu maha adil, maha pemurah, Dia tidak pernah lupa akan janji-Nya. Salah satu dari janji Allah itu ialah kepada orang-orang yang bertakwa, bahawa Dia akan sentiasa rapat dan bersedia menolong mereka mengeluarkan mereka dari kesukaran-kesukaran di dalam hidup ini.

Demikianlah sedikit peringatan, munasabah kita menempuh alam merdeka ini marilah terus-menerus kita gandakan taat dan takwa kita kepada Allah supaya apa jua perjalanan hidup kita di masa merdeka ini akan sentiasa diberkati-Nya dan diberi ganjaran pahala.

# Satu lagi cawangan Pos dibina

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan kini sedang membina sebuah lagi cawangan Pejabat Pos baru dengan menelan belanja kira-kira $331,036.00 yang akan dikenali sebagai Pejabat Pos Seri Komplexs.

Satu majlis bagi memulakan kerja-kerja membangun di tapak Pejabat Pos baru tersebut telah diadakan pada hari Selasa lepas yang telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Bandaran Awg. Hj. Yaakub bin Hj. Ahmad.

Cawangan Pos baru itu terletak di satu kawasan seluas 1.05 ekar bertempat di batu 1½ Jalan Tutong berdekatan Panggung Seri dan dijangka siap pada bulan Julai tahun depan.

Pejabat Pos ini nanti akan mengendalikan kerja-kerja penerimaan surat-surat, penjualan setem, serta perkhidmatannya pula adalah sepanjang Jalan Tutong hinggalah ke kawasan Kampung Limau Manis.

Hadir di majlis tersebut termasuklah Pegawai-pegawai Pos dan Pegawai-pegawai dari Jabatan Kerja Raya, sementara bacaan doa selamat disampaikan oleh Mudim Awang Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Awang Hj. Abd. Hamid.



TIMBALAN Ketua Pos Agung, Awang Adnan bin Haji Hanafiah sedang memulakan majlis tersebut dengan menuangkan simin ke tapak bangunan itu.

# Kejohanan Olahraga Terbuka 1984

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Sukan Olahraga Amatur Negara Brunei akan mengadakan Kejohanan Olahraga Terbuka 1984.

Untuk mencapai matlamat tersebut beberapa perubahan tarikh telah dibuat seperti pada 13 dan 15 Januari kejohanan ini akan diadakan di Daerah Belait, pada 3 dan 5 Februari akan diadakan di Daerah Tutong sementara di Daerah Brunei-Muara dan Temburong dijangka akan diadakan pada 2 dan 4 Mac. Manakala Peringkat Negeri akan diadakan pada 16 hingga 18 Mac depan.

Kejohanan olahraga tersebut adalah sebagai persediaan untuk menghadapi Sukan Merdeka 1984 dan Sukan SEA 1985 kedua-duanya akan diadakan di Brunei.

Borang-borang untuk kejohanan tersebut boleh diperolehi di Bahagian Belia dan Sukan, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dan di cawangannya di Daerah Belait dan Tutong dan hendaklah dikembalikan secepat mungkin.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 11 Januari, 1984 hingga ke hari Selasa 17 Januari, 1984 adalah seperti di bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Zuhur* | *Asar* | *Maghrib* | *Isyak* | *Imsak* | *Subuh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 11 Jan | 12.35 | 3.55 | 6.31 | 7.43 | 5.01 | 5.16 | 6.33 |
| 12 Jan | 12.35 | 3.55 | 6.31 | 7.43 | 5.01 | 5.16 | 6.33 |
| 13 Jan | 12.35 | 3.55 | 6.31 | 7.43 | 5.01 | 5.16 | 6.33 |
| 14 Jan | 12.35 | 3.55 | 6.31 | 7.43 | 5.01 | 5.16 | 6.33 |
| 15 Jan | 12.35 | 3.55 | 6.31 | 7.43 | 5.01 | 5.16 | 6.33 |
| 16 Jan | 12.36 | 3.57 | 6.32 | 7.44 | 5.03 | 5.18 | 6.35 |
| 17 Jan | 12.36 | 3.57 | 6.32 | 7.44 | 5.03 | 5.18 | 6.35 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 minit tengah hari.

# KEWAJIPAN DI ZAMAN MERDEKA

Oleh: Md. Passal Haji Nordin

*Bingkisan minggu ini*

BEBERAPA hari yang lalu kita telah merayakan hari Pengisytiharan Kemerdekaan. Memang beberapa waktu sebelumnya kita sebagai bangsa yang berdaulat, telah memproklamasikan kemerdekaan negara kita ke merata dunia. Dalam erti kata yang lain, negara kita akan mengatur trend politik negara dengan tidak perlu lagi dipengaruhi oleh kuasa-kuasa asing.

Maka dari itu, yang perlu dipersoalkan pada hari ini, ialah apakah kewajipan kita sesudah kita memperolehi kemerdekaan? Adakah lalu kewajipan kita itu hanya bersenang-senang dan berpoya-poya, sebab sudah merdeka? Apakah kita ingin melihat lagi perkara-perkara maksiat dan kemungkaran, andaikata kita mahu demikian, tentu boleh saja. Tetapi adakah yang sedemikian itu diredai oleh Allah taala? Yang jelas, jikalau itu yang kita perbuat, pasti akan punah riwayat bangsa kita. Jadi apakah sebenarnya tanggungjawab kita setelah memperoleh kemerdekaan?.

Pertama-tamanya, yang paling penting diperhatikan sesudah merdeka ini, ialah memelihara diri dan negara ke arah keharmonian dan menjaga imej umat Islam, sambil kita berdoa :

"Ya Tuhan, berikanlah hidayat atau petunjuk kepada kami kepada jalan yang benar."

Inilah tugas kita yang pertama, iaitu memohonkan petunjuk kepada Allah s.w.t. supaya kita dan negara mendapat hidayat yang benar, kemudian mengamalkan isi hidayat itu. Kalaulah negara kita ini ditamsilkan sebagai sebuah bahtera yang sedang belayar, maka bangsa kita dapat diumpamakan sebagai penumpangnya dan pemimpinnya pula ialah nakhoda dan kelasinya. Sebagai penumpang, kita berhak meluruskan dan menegur jika nakhoda atau kelasinya tergelipit dari tanggungjawabnya. Dengan yang demikian, tentunya bahtera itu akan selamat sampai ke matlamat yang dituju.

Soalnya sekarang, di manakah letaknya hidayat yang benar itu? Jawabnya ialah : "Letaknya tidak lain kecuali hidayah daripada Allah Azzawazzalla. Ini bertepatan dengan firman-Nya yang ertinya : "Sesungguhnya petunjuk yang benar ialah hidayah dari Allah." Surah Ali Emran ayat 73.

Tegasnya, kewajipan kita pertama sesudah merdeka ialah melaksanakan apa jua dengan berpandukan hidayah atau petunjuk dari Allah s.w.t. dan Rasul-Nya.

# PERUBAHAN SUNGAI KIANGGEH BERIKAN BERBAGAI KEMUDAHAN

Oleh: Ahat Ismail

Gambar-gambar oleh: Pg. Yaakub PMHH

SUNGAI adalah merupakan jalan penghubung terpenting untuk menuju ke sesuatu tempat selain daripada jalan-jalan darat dan udara.

Kepentingan dan peranan sungai pada masa dahulu dan masa kini memang tidak dapat dinafikan, kerana melaluinyalah sebahagian daripada perhubungan-perhubungan dapat dibuat seandainya perhubungan melalui darat dan udara tidak mengizinkan.

Memandangkan kepada keadaan inilah maka perubahan demi perubahan dibuat pada mensesuaikan sesebuah tempat mengikut peralihan masa, sesuai dengan suasana Negara Brunei Darussalam memasuki era baru di dunia antarabangsa.

## MENAMBAH KEINDAHAN

Berbagai projek pembangunan kini sedang dan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan untuk kemudahan rakyat dan penduduk negara ini di samping mencantikkan alam sekitar terutama kawasan-kawasan bandar.

Kini dengan selesainya pembinaan projek pengaluran dan pembentukan semula Sungai Kianggeh, sudah barang tentulah menambahkan seri keindahan ibu negara bertepatan pula dengan pencapaian penuh kemerdekaan yang akan menjadi ristaan baik dalam mahupun luar negeri.



BEGINILAH keadaan sekitar Sungai Kianggeh sebelum ianya diubahsuai.

Projek pembentukan semula ke atas sungai ini amat perlu terutama sekali di musim hujan air akan melimpah dan lumpur dan sampah sarap akan mengotori kawasan sekitar.

Kerja-kerja mengubahsuai sungai ini bermula dalam bulan Jun tahun 1979 dikendalikan oleh Syarikat Hennessey Cogan dan Sekutu sebagai firma perunding yang diamanahkan oleh Kerajaan, serta ditawarkan projek pembinaan kepada Syarikat Pembangunan Gonzales Salleh Berhad yang hanya dapat menyiapkan separuh daripada projek tersebut.

Setelah itu pembinaan diteruskan semula oleh Syarikat Kemajuan Pembangunan Bersatu Limited dengan perbelanjaan kira-kira $4,130,410.00 dan pembinaannya siap dalam tempoh sembilan bulan.

Sebelum ianya diubahsuai, sungai ini telah menjadi 'pengkalan' yang sentiasa sibuk oleh orang ramai dan perahu-perahu, moto-sangkut dan penambang-penambang serta orang ramai termasuk juga pelancong-pelancong yang hendak melihat keindahan Kampong Ayer turun naik di sini.

Pembentukannya juga memberikan keselesaan kepada nelayan-nelayan mengendalikan pemindahan hasil-hasil tangkapan ikan untuk dihantar ke pasar tanpa memerlukan pengangkutan di mana pasar terletak hanya beberapa ela dari tebing sungai tersebut.

## MEMBERI KEMUDAHAN

Di samping sungai ini berkepentingan memberi kemudahan untuk orang ramai, ianya juga tidak terkechuali dengan hiasan-hiasan menarik, diserikan dengan lampu-lampu dan tandas awam, kawasan penambaan perahu, moto-sangkut, dan tangga turun naik.

Kalau dahulu sepanjang Sunggai Kianggeh dipenuhi oleh pokok-pokok kayu, manakala di waktu malam suasana gelap sepi, tetapi semenjak perubahan ini, kedudukannya jauh berbeza jika dibandingkan. Kesunyian dan kegelapan malam tidak lagi wujud malah telah ditenggelami oleh arus perubahan.

## MENGURANGKAN KESIBUKAN

Terlaksananya projek ini sudah tentu mengurangkan kesibukan perjalanan sungai-sungai, yang sebelum ini kawasan gerai dan sekelilingnya menjadi tapak sementara untuk nelayan-nelayan, penambang-penambang baik mereka yang berulang alik dari Kampong Ayer ke bandar mahupun mereka-mereka dari luar bandar di daerah Temburong semuanya menggunakan kawasan tersebut.

Bagi mereka yang terlibat menggunakan kemudahan tersebut sudah pasti merasa gembira kerana setidak-tidaknya masalah pemunggahan dan pengangkutan akan dapat diatasi.

Pengendalian pengurusan keseluruhannya kawasan Sunggai Kianggeh ini nanti dijangka akan dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Bandaran termasuk kebersihannya.

Langkah kerajaan mengubahsuai pengaluran sungai ini sepatutnya disambut baik pada mewujudkan sistem perjalanan, perniagaan, perusahaan, serta pengangkutan yang selesa.

Apa yang penting sekarang ialah terserahlah kepada pengguna-pengguna untuk menjaga dan memata-matai dalam membantu serta memberi kerjasama pihak kerajaan agar keindahannya dapat dikekalkan dari masa ke semasa.



DENGAN dihiasi pagar dan lampu serta tempat-tempat lainnya, memberikan keselesaan para pengunjung berehat dan bersiar di waktu lapang.

GAMBAR bawah: sebahagian daripada kawasan lapang Sungai Kianggeh yang terdapat di tebing sungai sesudah diubahsuai ketika ini.





POKOK-POKOK bunga juga ditanam di tempat-tempat yang dikhaskan untuk mengindahkan sekitar kawasan tersebut.

# PLKPTB GALAKKAN ORANG MELAYU HIDUP BERDIKARI

**KEPANDAIAN dan kemahiran orang-orang Melayu Brunei dalam seni pertukangan memang sudah terkenal sejak beberapa abad yang lalu di rantau ini, sehingga mereka dapat mencipta berbagai-bagai seni kerjatangan yang tinggi nilainya.**

**Kemahiran bertukang yang diwarisi sejak turun-temurun seperti bertukang perak, tembaga, tenunan dan anyaman serta pertukangan seni halus merupakan kegiatan ekonomi masyarakat Melayu Brunei sejak zaman dahulu, hingga kini masih mendapat tempat di kalangan masyarakat tempatan.**



AWANG Haji Mustafa bin Haji Ahmad, Ketua PLKPTB

Oleh: Muhaimin HM
Gambar: Ihsan PLKPTB

Bagi memelihara dan meninggikan taraf kesenian dan pertukangan tangan negara ini, kerajaan telah membina sebuah bangunan kekal Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan yang melambangkan sebagai satu warisan identiti keBruneian.

## SENIBINA TERCANTIK

Bangunan PLKPTB merupakan salah sebuah senibina tercantik di negara ini hasil adunan dari senibina dan unsur-unsur tradisional Brunei dengan arkitek moden, sebagai satu tanda sejarah kemegahan kesenian dan pertukangan tangan orang-orang Melayu Brunei.

Bangunan setinggi 8 tingkat berharga 25 juta ringgit itu letaknya amat sesuai iaitu di tebing Sungai Brunei berhadapan dengan Kampong Ayer menjadikan pemandangan di sekitarnya begitu menarik. Bagi para pelancong yang berkunjung ke pusat itu nanti mereka akan dapat menikmati keindahan keseluruhan Kampong Ayer yang telah terkenal di nusantara dan dunia barat sejak ratusan tahun yang lampau.

Dalam jangka lapan tahun sejak ianya mula ditubuhkan dalam tahun 1975 Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan telah melahirkan seramai 253 orang ahli-ahli tukang yang terlatih dan seramai 31 orang masih menjalani latihan di pusat itu di berbagai bidang pertukangan.

Pusat tersebut ketika ini mempunyai seramai 15 orang tenaga pengajar tempatan termasuk dua orang dari Semenanjong Malaysia yang mengajar bahagian seniukir kayu dan menampa keris. Sementara itu, dua orang penuntut pusat itu yang telah melanjutkan pelajaran mereka ke United Kingdom kini telah pun menamatkan kursus masing-masing. Mereka ialah Abu Bakar bin Jaluddin bahagian perak dan Awang Suhaili bin Untak bahagian tembaga. Keduanya juga akan menjadi tenaga pengajar di pusat itu nanti.

## MULAI BERKEMBANG

Dengan adanya lepasan penuntut yang pernah menjalani latihan secara formal di PLKPTB secara berperingkat-peringkat unsur-unsur kesenian tradisional Brunei mulai berkembang. Menurut Awang Haji Mustafa bin Haji Ahmad, Ketua Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan, bahawa kebanyakan lepasan pusat itu berusaha secara persendirian dari hasil-hasil latihan yang telah mereka jalani selama dua tahun di pusat tersebut.



BANGUNAN PLKPTB yang ada sekarang yang baru-baru ini dirasmikan pembukaannya.

Walau bagaimanapun, kata Haji Mustafa, beberapa orang pegawainya juga diarahkan untuk melawat usaha-usaha mereka dan jika perlu memberikan cadangan dan bantuan. Dari tinjauan mereka segala usaha-usaha yang telah dijalankan oleh bekas-bekas penuntut itu memuaskan. Ini, tambahnya, segala usaha yang telah diungkayahkan oleh kerajaan untuk melatih anak-anak tempatan untuk hidup berdikari tidak sia-sia. Perkara ini jelas, katanya lagi, di mana purata pendapatan mereka sebulan bagi mengusahakan tenunan kain memperolehi lebih lima ratus ringgit manakala yang mengusahakan pertukangan perak memperolehi pendapatan antara seribu ke-dua ribu ringgit sebulan.

## LANGKAH PERTAMA

Sebelum tertubuhnya bangunan kekal PKLPTB, dalam perlaksanaan penubuhannya sebagai langkah pertama tiga buah kedai sederet di Kg. Jaya Setia Perpindahan Berakas telah digunakan sebagai bangunan sementara pusat latihan. Bangunan itu telah diubahsuai dan diperlengkapkan bagi menampung kursus-kursus yang dijalankan.

Pengambilan pertama penuntut-penuntut ialah seramai 24 orang di bawah seorang pengajar Awang Haji Mohd. Taib bin Haji Mohd. Salleh. Kursus-kursus yang ditawarkan ialah pertukangan perak, tembaga dan tenunan kain. Perkembangan pusat itu dari setahun ke setahun begitu menggalakkan dan sambutan para belia dan beliawanis untuk mengikuti berbagai kursus di pusat itu semakin meningkat. Pelajaran pengetahuan ugama Islam juga diadakan sekali dalam seminggu manakala pelajaran lukisan diberikan kepada penuntut-penuntut yang mengambil bahagian pertukangan perak dan tenunan kain.

Kursus-kursus yang terdapat di PLKPTB ketika ini ialah pertukangan seni halus (keris), tembaga, anyaman dan songkok, tenunan kain dan perak. Setiap kursus yang dijalani memakan masa dua hingga ke-tiga tahun dan penuntut-penuntut yang mengikuti kursus tersebut akan diberikan elaun bulanan sebanyak $290.00 ringgit termasuk dua helai pakaian tiap-tiap seorang.

## KAJIAN

Awang Haji Mustafa memberitahu beberapa kursus juga akan diperkenalkan di pusat itu nanti seperti pertukangan besi, tekat dan sulaman. Bagaimanapun perkara ini terpulanglah kepada ahli-ahli jawatankuasa tertinggi untuk menimbangkannya. Menurutnya, pusat tersebut ketika ini sedang membuat beberapa penyelidikan terhadap hasil-hasil seni yang bercorak tradisional yang masih lagi terpendam.

Berhubung dengan hasil-hasil kajian tersebut, katanya lagi, sebagai langkah permulaan PLKPTB akan mencuba segala corak-corak tenunan kain yang digubah oleh orang-orang Brunei di masa dahulu untuk ditimbulkan dan dihidupkan semula.

Manakala corak-corak kain tenunan tersebut tidak akan diubah hanya keadaan warnanya sahaja akan diubahsuai bagi mensesuaikan dengan keadaan warna yang digemari oleh generasi sekarang, kerana warna-warna kain yang dipakai oleh orang-orang Brunei di masa lalu kebanyakannya berwarna garang, jelas Awang Haji Mustafa.

Rekabentuk bangunan kekal PLKPTB dibuat oleh salah sebuah arkitek anak tempatan iaitu Akitek Ibrahim dengan kerjasama Jawatankuasa Tertinggi Pusat itu serta Muzium Brunei terutama sekali dari Y.B. Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Abd. Rahman selaku Pengerusi Jawatankuasa PLKPTB. Kerja-keraja pembinaan seterusnya akan dilaksanakan di pusat itu bagi membina pagar, pintu gerbang bangunan dan kantin bagi para penuntut dan pelawat. Projek tersebut dijangka siap pada tahun 1985.

Antara lain tujuan pembinaan PLKPTB ialah untuk kunjungan pembesar-pembesar dari luar negeri sebagai salah satu tempat yang menarik di negara ini. Selain daripada itu, pusat itu juga akan digunakan bagi mengatasi kekurangan tempat-tempat untuk kemudahan fungsi-fungsi rasmi seperti mesyuarat dan persidangan antarabangsa serta bagi mengadakan jamuan-jamuan rasmi negara.

Di samping negara ini kaya dengan sumber bahan-bahan mentahnya, bidang-bidang kesenian dan pertukangan tangan orang-orang Brunei perlulah ditingkatkan dan dipesatkan sebagai salah satu alat penimbal sumber perekonomian negara ini di kemudian nanti.



Bangunan PLKPTB yang terletak di Kampong Perpindahan Berakas yang digunakan dari tahun 1975 hingga 1983.



RUMAH kediaman C.H di Jalan Residency, Bandar Seri Begawan yang merupakan bangunan pertama bagi PLKPTB dan di atas tapak inilah didirikan bangunan kekal yang ada sekarang.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 11 JANUARI

### PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.28 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 FILEM RENCANA : "High Grass Circus" Bhg. 1.

5.00 FRAGGLE ROCK

5.30 SPIDERWOMAN : "Invasion of The Black Hole"

6.00 BERITA AWAL

6.05 DIFFERENT STROKES

6.31 AZAN MAGHRIB

6.41 321 CONTACT.

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 REMINGTON STEELE : "Steeling The Show"
Remington dan Laura terlibat dalam kehidupan seorang bekas bintang filem Veronica Kirk yang selalu membanggakan diri dengan lakunan kematiannya yang luar biasa merasa dirinya diekor oleh seorang yang hendak membunuhnya.

7.43 AZAN ISYAK

7.48 REMINGTON STEELE — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 LIPUTAN NASIONAL

9.05 PRIVATE BENJAMIN : "Ross and The Robot"
Apabila sebuah robot dibawa ke Kem Bradley untuk diuji, Sgt Major Ross kyuatir automisyen boleh menghentikan kariernya. Tetapi Benjamin dan kawan-kawannya ada satu rancangan.

9.35 MAGNUM : "Two Birds of A Feather"

10.25 TAYANGAN GAMBAR : "Istanbul"
Setelah meninggalkannya selama lima tahun, seorang pengembara kembali ke Istanbul dan memperoleh intan berharga 200,000 dolar. Mendapati seorang gadis, mangsa hilang fikiran, yang disangka sudah mati masih hidup lagi. Pelakon-pelakon : Errol Elynn, Cornell Borchels, John Bentley, Tarih Thatcher, dan lain-lain.

11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 12 JANUARI

### PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.28 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 SESAME STREET

5.30 KIMBA THE WHITE LION : "The Troublemaker"

6.00 BERITA AWAL

6.05 SISTEM EJAAN BARU

6.31 AZAN MAGHRIB

6.41 WORLD OF SURVIVAL : "Follow The Tiger"

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 WIZARDS AND WARRIORS "The Caverns Of Chaos"
Untuk menyelamatkan nyawa ayahnya, Prince Greystone mencari sejenis buah yang boleh diperoleh di Caverns of Chaos. Di sana dia terjumpa seekor ular dan musuh ketatnya Prince Blackpool juga untuk mencari buah ajaib itu.

7.43 AZAN ISYAK

7.48 WIZARDS AND WARRIORS — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 HIDAYAT

9.05 DUNIA MINGGU INI

9.35 ROAD TO WEMBLEY

10.35 CHICO AND THE MAN : "Ed Talks To God"

11.05 McCLAIN'S LAW : "Sign Of The Beast" Bhg. I.
Pembunuhan kejam di kawasan perumahan yang tenteram membongkar kes melibatkan organisasi seperti yang terdapat dalam sistem penjara sekarang ini melimpah ke jalan-jalan raya. McClain dan Gates mengepalai penyiasatan yang menimbulkan kegelisahan penduduknya. Pemeriksaan ke atas bekas penjenayah diperhebat termasuk kerahan tenaga ke atas seluruh anggota polis untuk menghentikan pembunuhan-pembunuhan misteri itu.

11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 13 JANUARI

### TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN

12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

12.13 SUSUNAN RANCANGAN

12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN.

### PETANG

1.25 ABC WIDE WORLD OF SPORTS

2.15 FILEM RENCANA — "Animal Olympians"

3.00 THE INVINCIBLE IRON MAN

3.30 IN SEARCH OF : "In Search Of Cloning"
Bolehkan manusia memperoleh keturunan dengan tidak melibatkan kedua belah jenis jantina ? "Cloning" sudahpun menjadi kenyataan dalam peringkat hidupan bawahan (lower forms of life) dan pada masa ini sudah menimbulkan berbagai persoalan.

3.55 AZAN ASAR

3.58 IN SEARCH OF — sambungan

4.00 THE THUNDERBIRDS

4.25 GERAK SIHAT

4.55 MANAGEMENT (Ulangan)

5.10 KONONNYA Ep. 1 "Kau Kuayak Wang Jangguk"

5.40 CAPTAIN AMERICA (Animation)

6.00 BERITA AWAL

6.05 YOU ASKED FOR IT

6.31 AZAN MAGHRIB

6.41 ON SAFARI.

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 THE YOUNG LAWYERS : "The Outspoken Silence"
Peguam Benjamin Whitefield menyalahkan Aaron Silverman atas kematian anaknya. Aaron enggan membenarkan seorang peguambela memberi keterangan kerana telah diketahui berbohong. Apabila anaknya didapati mati menggantung diri dalam kamar penjara, Whitefield mengadu kepada persatuan peguam kerana "misconduct"

7.43 AZAN ISYAK

7.48 THE YOUNG LAWYERS — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 LIPUTAN NASIONAL

9.05 DRAMA : "Bumiku" Ep. 2.

9.35 KNOTS LANDING : "The Fatal Blow"

10.45 MUSICAL : The Best of Midnight Special

11.15 SUGAR RAY LEONARD'S GOLDEN GLOVES

12.15 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 14 JANUARI

### PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.28 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 FILEM RENCANA

5.00 SESAME STREET

6.00 BERITA AWAL

6.05 THUNDARR THE BARBARIAN : "Last Train To Doomsday"

6.31 AZAN MAGHRIB

6.41 JUST KIDDING.

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 T. J. HOOKER :

7.43 AZAN ISYAK

7.48 T. J HOOKER — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 LIPUTAN NASIONAL

9.05 WANITA TANAHAIR

9.45 TAYANGAN GAMBAR MELAYU : "Raja Laut"

11.15 TAYANGAN GAMBAR AKHIR : "The Crimson Pirate"
Kurun ke-18, kisah seorang kaptain lanun menyerang sebuah kapal senjata dan rombongan perwakilan Raja Spain yang diutus untuk menghentikan pemberontakan di sebuah tanah jajahan Spain. Pelakon-pelakon: Burt Lancaster, Nick Cravat, Eva Bartak, Torin Thatcher, dan lain-lain.

12.45 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 15 JANUARI

### PETANG

2.00 PEMBUKAAN

2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA.

2.13 SUSUNAN RANCANGAN

2.15 FANGFACE

2.45 ARCHIE BUNKER'S PLACE

3.15 BIG LEAGUE SOCCER

3.55 AZAN ASAR

3.38 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan

4.00 SMURF

4.30 DOC.: AROUND THE WORLD WITH BRIAN ADAMS

5.00 SEVEN BRIDES FOR SEVEN BROTHERS : "Round Up"

5.45 SPIDERMAN

6.00 BERITA AWAL

6.05 SPIDERMAN — sambungan

6.31 AZAN MAGHRIB

6.41 ALICE : "The Accident"

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 SIMON AND SIMON : "The Club Murder Vacation"
Percutian A. J. ke satu tempat peranginan di bahagian utara California menjadi muram apabila dia berfikir bahawa dia menyaksikan satu pembunuhan tetapi tiada seorangan pun yang mempercayainya.

7.43 AZAN ISYAK

7.48 SIMON AND SIMON — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 DARI DEWAN RAYA

9.35 FORUM

10.30 TEACHERS ONLY

11.00 RULES OF MARRIAGE Bhg. 1 (Siri baru)
Mike dan Joan Hagen telah berkahwin 15 tahun. Pada zahirnya semuanya perfek. Pada batinnya keretakan pun sudah ada hanya menunggukan belah sahaja. Suami dan isteri mempunyai kawan masing-masing. Bagaimanakah cerita siri ini seterusnya yang dapat kami beritahu di sini berakhir dengan happy ending.

11.45 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 16 JANUARI

### PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.28 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 FILEM RENCANA

5.00 POSTMAN PAT : "Pat's Foggy Day"

5.15 PANDAMONIUM : "20,000 Laughs Under The Sea"

5.40 CHALLENGE OF THE SUPER-FRIENDS : "Swamp Of The Living Dead"

6.00 BERITA AWAL

6.05 NEPTUNE JOURNALS : "Treasure Chase" Bhg. 2

6.32 AZAN MAGHRIB

6.42 NEPTUNE JOURNALS — sambungan

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 TRAPPER JOHN M.D. : "Hear Today, Gone Tomorrow"
Bagaimana agaknya apabila San Francisco Memorial Hospital mempunyai sebuah kugiran sendiri di bawah pimpinan Gonzo ?

7.44 AZAN ISYAK

7.49 TRAPPER JOHN M.D. — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 LIPUTAN NASIONAL

9.05 THE WINDS OF WAR : Bhg. 14

10.05 RETURN TO EDEN Bhg. 2.

10.55 MUSICAL SPECIAL : Marvin Gaye.

11.45 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 17 JANUARI

### PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.28 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 DOK : The Real World

5.00 SUB-MARINER

5.30 BUGS BUNNY SHOW

6.00 BERITA AWAL

6.05 BID FOR POWER "We're In Trouble"

6.15 AGRICULTURE

6.32 AZAN MAGHRIB

6.42 CAMP WILDERNESS : "Wilderness Wonders" Bhg. 2.

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 THE FALL GUY : "One Hundred Miles A Gallon"

7.44 AZAN ISYAK

7.49 THE FALL GUY — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 SISTEM EJAAN BARU

8.55 ARENA SUKAN

9.55 DYNASTY : "The Arrest"

10.55 TAYANGAN GAMBAR : "Dangerous Company"
Dramatisasi dari kisah benar seorang Ray Johnson yang memaparkan jenayah, tertangkap dan terlepasnya dan pemulihan ke atasnya di sepanjang 27 tahun. Pelakon-pelakon : Lamont Johnson, Bean Bridges, Carlos Brown, Karen Carlson, dan lain-lain.

12.25 SIARAN TAMAT.

# RTB minggu ini



### Dari Pendengar Untuk Pendengar

RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar bersama awda lagi minggu ini dengan peserta Dayang Jelimah bte Sabtu di alamat No. 33, Kampong Birau, Jalan Lamunin, Tutong.

Dayang Jelimah memilih beberapa buah lagu untuk hiburan awda khususnya para peminat rancangan ini. Rancangan ini akan ke udara pada hari Selasa 17 Januari jam 4.00 petang.

### Dendang Remaja

RANCANGAN keluaran kedua minggu ini menghidangkan lagu-lagu dendangan tiga orang penyanyi remaja iaitu JOFERY HAJI ABD RAHMAN, RAMLAH ISMAIL dan ROSLI MOSLAM.

Rancangan ke udara hari Jumaat 13 Januari jam 5.00 petang dan ulangannya pada hari Ahad 15 Januari jam 9.00 malam.

## Radio Minggu Ini:

# TAK TUMBUH TAK MELATA

"TAK tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata". Begitulah yang kerap kita dengari di mana-mana dalam dunia kehidupan ini, apa lagi dalam bentuk dunia penyiar untuk hidangan pendengar ini pada setiap masa dan ketika.

Dunia penyiar akan sering berhadapan dengan pelbagai ragam manusia, fiel yang sedia ada dari para insan itu sendiri. Namun taktik dan teknik alam penyiar ini akan terus mengungkayahkan sumbangsih dari sumber alam kehidupan manusia dan pembangunan negara yang ada di sekeliling kita.

Apa yang penting dalam memenuhi kehendak-kehendak ini, sama ada yang berupa bahan-bahan neuteral, semineuteral, nonneuteral atau apa pun bentuk yang mungkin terjadi di arena penyiaran ini, namun kehendak penyiar itu tetap memplomairkan setiap rancangan-rancangan yang diperolehi dari suasana yang ada sekarang. Trend dan irama kita tidak lari walau di manamana, malahan kita mengukur baju di badan sendiri.

Bak kata orang, indah seni kerana budaya, indah rancangan kerana bahanbahannya yang ada.

Alam penulisan untuk siaran radio misalnya adalah memerlukan sumbangan dari penyair-penyair kita yang dapat menggambarkan titik-tolak kehidupan masyarakat kita sekarang. Sama ada persoalan pokok masyarakat dengan pembangunan negara, masyarakat dengan permasalahan hidup yang sedia ada atau apa jua yang bersesuaian dengan tatasusila kemasyarakatan kita. Kita jangan lari dari papan-papan kenyataan yang dapat mengesan pemikiran kita.

Sekarang waktunya sudah kita jalani untuk prinsipsi revolusi mental kita. Pemikiran yang matang dalam segenap sudut perlu kita buktikan sebagai kemampuan kita melahirkan idea-idea yang bernas dan nafas baru dalam suasana yang ditempuh sekarang.

### ARENA PENYAIR

Inilah ketikanya penulis-penulis dapat membuahkan bahan-bahan yang bermutu untuk didengar oleh pendengar-pendengar di tanahair melalui siaran radio ini. Arena penyiar adalah untuk pendengar.

Pokok penulisan cerpen, saya bawakan sebagai contoh bagi pendekatan kita ke arah medan ini. Penulis harus mengubah, merombak dan mensesuaikan pada keadaan masa dan suasananya pada setiap hasilhasil penulisan itu. Fikirkan apa bahan yang perlu dituliskan untuk siaran radio? Fikirkan juga bahawa radio itu adalah merupakan media kerajaan. Jadi corak yang bagaimana patut dituliskan dalam penyaluran idea ini, atau bentuk yang bagaimana untuk dipersembahkan? Fikirkanlah aduhai penulis.

### RUJUK KEMBALI

Walau bagaimanapun, kita rujuk kembali kalimat ini: Di mana bumi dipijak, di situ langit akan terjunjung, asam-garam haruslah dipadankan dengan masakan untuk kita sendiri. Carilah idea yang bermunasabah dan berpatutan untuk kita sajikan kepada audian yang ada di negara kita ini, agar idea yang dicoretkan itu tidak bercanggah dengan falsafah kehidupan kita, falsafah kenegaraan kita. Dengan jalan ini baharulah kesempurnaan yang sudah sedia ada itu akan lebih tersusun rapi lagi sebagai santapan rohani yang murni.

Ingatlah!, tak tumbuh tak kan melata, jika tak sungguh orang tak akan mengata, penyiar akan tetap berada di mana-mana.



ADEGAN dari 'The Crimson Pirate' — Tayangan Gambar Akhir pada hari Sabtu depan.



MEREKA di atas ialah dari satu keluarga yang menghadapi liku-liku hidup dari satu siri baru berjudul 'The Rules Of Marriage' bermula Ahad depan kira-kira jam 11.00 malam.

# NAKHODA MANIS

Oleh: Masri Haji Akip

MUZIKAL Drama untuk keluaran minggu ini berjudul NAKHODA MANIS, sebuah lagi legenda sejarah yang akan dipersembahkan melalui Radio Brunei sebagai ristaan pada peristiwa-peristiwa negara kita yang telah lalu.

Kasih ibu sepanjang hayat. Demikianlah perasaan yang dialami oleh Mak Ambun, ibu kepada Manis yang pada asalnya adalah keturunan hartawan, dan kemudian jatuh miskin. Walaupun pada mulanya mereka memiliki tujuh gedung di laut, akhirnya harta-harta itu habis semuanya disedekahkan pada fakir miskin dengan tujuan untuk menyelamatkan anak satusatunya, Manis yang dalam perantauan.

Betapapun lamanya Manis merantau, akhirnya ia memutuskan juga untuk kembali ke tanah tumpah darahnya sendiri. Kepulanganya diiringi sama oleh isterinya yang cantik dan dari bangsa orang baik-baik.

Ibu Manis yang sangat gembira mendengar kepulangan anak yang telah sekian lama diharapkannya, tidak sabar-sabar lagi hendak menemui Manis. Tanpa menghiraukan pujukan Dayang supaya ia bersabar dan menantikan kedatangan itu di rumahnya, ibu Manis pergi berkayuh bersendirian dalam keadaan dan pakaiannya yang tidak menentu.

Manis setentunya terkejut bila saja melihat keadaan ibunya itu. Apa yang diagung-agungkannya selama ini pada isterinya adalah berbeza dari apa yang mereka lihat. Kerana merasa malu, Manis tidak mengakui ibunya itu sebagai orang yang melahirkannya ke dunia ini.

Kerana terlalu kecewa, ibunya pun memohon doa pada yang kuasa agar perbuatan anaknya mendapat pembalasan yang setimpal. Permintaannya dikabulkan dan keseluruhan kapal serta anak buahnya terbalik menjadi batu.

Bersediakah ibu Manis memberi keampunan pada anaknya yang derhaka itu? Untuk penjelasannya, silalah ikuti siarannya pada 15 Januari, 1984, jam 10.30 pagi.

Muzikal Drama kali ini diterbitkan oleh Helen Thu.

# BRUNEI SHELL BANTU PEKERJA TUNAI HAJI

SHELL BRUNEI akan memperkenalkan satu skim bantuan kewangan kepada para pekerjanya untuk menunaikan fardu haji ke tanah suci Mekah.

Pengumuman itu telah dikeluarkan beberapa hari sahaja sebelum pencapaian semula kemerdekaan penuh Negara Brunei Darussalam dan keputusan ini dibuat menurut Peter Everett, Pengarah Urusan, sebagai tanda pengakuan pihak Syarikat akan pentingnya menunaikan fardu haji itu kepada para pekerja yang berugama Islam.

Dalam satu temuramah dengan Salam, beliau berkata : "Kita tinggal di sebuah negara di mana kebanyakan rakyatnya adalah orang-orang Islam. Ini adalah satu kemudahan yang diberikan Kerajaan kepada pegawai-pegawainya, dan kita rasa masanya sudah tiba untuk menyediakan bantuan yang serupa kepada kakitangan rakyat Brunei."

Penerangan lengkap mengenai skim itu adalah sama seperti yang dikenakan oleh Kerajaan dengan perbezaan yang sedikit.

"Kita telah membuat satu garis pandu kasar mengenai dengan jumlah pekerja yang akan pergi setiap tahun. Sudah tentulah kita tidak berkemampuan untuk kehilangan sebilangan besar dari mereka untuk pergi, kerana seperti kerajaan, kita juga perlu meneruskan perjalanan syarikat tetapi walau bagaimanapun saya ingin melihat kesemua pekerja-pekerja Islam menerima bantuan ini di sepanjang perkhidmatan mereka dengan Brunei Shell.

Bagi tahun 1984 jumlah bantuan yang disarankan ialah $3,500 seorang.

Untuk memohon para pekerja mestilah mengikut kriteria berikut:

*Para pekerja lelaki atau wanita yang bujang (belum kahwin) mereka itu rakyat Brunei dan di dalam pengambilan kerja berpencen dengan BSP dan/atau BSM dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun pada 1 Januari 1984. Para pekerja yang sudah berkahwin boleh memohon tetapi dengan syarat mereka dapat memberi butir-butir yang memuaskan Syarikat bahawa mereka adalah pencari nafkah utama menanggung keluarga.

*Di masa memohon, para pekerja mestilah sudah mendaftar bagi menunaikan fardu haji di Pejabat Hal Ehwal Ugama dan sudah tentunya dapat melaksanakan kesemua kriteria (keugamaan, perubatan dan kesihatan, dll) yang diperlukan bagi seorang yang ke sana.

Para pekerja bertanggungjawab sepenuhnya bagi kesemua persediaan pentadbiran dan keugamaan yang diperlukan dan ini mestilah dilakukan dalam masa-masa para pekerja itu sendiri.

Untuk tahun ini adalah diminta bahawa semua permohonan bagi bantuan Syarikat dibuat dengan menulis (dengan menyatakan jika isteri akan turut sama) dan diterima oleh PRS/33 tidak lewat dari 16 Januari 1984. Berdasarkan kepada beberapa permohonan yang diterima perlu untuk menghadkan kepada siapa bantuan akan diberikan. Dalam perkara ini maka pemilihan kriteria selanjutnya dengan menggunakan umur dan jumlah kelamaan perkhidmatan.

Sejauh ini hanya Shell Brunei satu-satunya syarikat di Gabungan Shell yang menawarkan bantuan kewangan kepada para pekerjanya bagi menunaikan fardu haji.



KERJA-KERJA seismik oleh Brunei Shell masih diteruskan di Kuala Belait dan Rasau. Kelihatan Awang Martyn Minderhoud, dari Jabatan Explorasi sedang memberikan taklimat mengenai dengan satu alat seismik di Kuala Belait.




## Ulangtahun Penghantaran

ULANGTAHUN kesepuluh penghantaran LNG dari Brunei ke Jepun telah diraikan penghujung Julai lalu dengan lawatan ke Negara ini oleh 30 orang perwakilan dari Tokyo Gas, Tokyo Eletrik dan Osaka Gas -kesemuanya dari syarikat-syarikat pelanggan serta dari Mitsubishi Corporation dan Shell Kosan.

Ulangtahun pertama sebenarnya bermula pada 1 April 1973 dan kontrak tersebut mengkehendaki lima juta tan dihantar setahun. Brunei LNG telah menunaikan separuh daripada kontrak 20 tahun itu tanpa adanya gangguan yang menjejaskan program itu.

Turut sama di dalam rombongan itu termasuklah pengerusi-pengerusi empat buah syarikat G Hiraiwa Tokyo Electric, H. Watanabe Tokyo Gas, M. Ohnishi, Osaka Gas dan Y. Mimura, Mitsubishi Corporation.



SEBAGAI menandakan pencapaian semula kemerdekaan sepenuhnya Negara Brunei Darussalam, semua pekerja-pekerja di keempat-empat syarikat Shell Brunei telah menerima sebatang pena jenis Sheaffer seperti di atas sebagai tanda peringatan.

Pena-pena telah ditempah khas dengan logo Shell Brunei dan telah dibahagi-bahagikan melalui Jabatan/Bahagian atau ketua-ketua cawangan mulai 3 Januari 1984.

## Sikorsky kembali

HELIKOPTER Sikorsky yang terakhir kepunyaan SAV telah kembali dari lapangan terbang Seletar di Singapura pada hari Ahad, 9 Oktober lalu setelah dicat semula dengan warna yang baru.

Sebelum menjalani perubahan warna, pesawat itu telah menjalani pemusnahan sama sekali warna asalnya dan kemudian kerja-kerja mengenakan pembasmi karat pun dijalankan.

Sikorksy pertama kembali dari tempat yang sama pada 22 Mei. Penerbangannya yang memerlukan 150 gelen minyak tambahan memakan masa enam jam setengah dan terpaksa singgah di Kucing untuk mengisi minyak.

SAV sekarang mempunyai 15 orang juruterbang dan di samping Sikorsky jabatan itu juga mengunakan dua buah helikopter Bell. Perkembangan-perkembangan lain di dalam jabatan itu termasuklah wujudnya menara kawalan baru yang kini beroperasi penuh. Menara yang lama itu telah dibina di dalam tahun 1960an dan telah dianggap tidak ekonomik untuk diperbaiki. Menara yang baru itu sudah tentu dapat memberikan keadaan bekerja yang selesa dan selamat dengan jarak pandangan yang bertambah baik bagi semua yang bekerja di situ.

## BSP sertai perbarisan

SEBAGAI salah satu rancangan di dalam perayaan hari kebangsaan Negara ini, BSP telah dipelawa untuk mengambil bahagian di dalam upacara perbarisan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada hari Khamis 23 Febuari 1984

Perbarisan itu akan bermula pada jam 7.30 pagi dan akan melibatkan upacara baris lalu dan pertunjukan dari kanak-kanak sekolah, serta perwakilan dari perkumpulan wanita Brunei, nelayan-nelayan, petani-petani, ahli-ahli seni bela diri dan barisan bendera rasmi Brunei. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam akan bertitah di hari perayaan tersebut dan ini akan diikuti dengan persembahan-persembahan yang berupa nyanyian lagu merdeka dan juga pertunjukan gimnastik.

BSP telah dipelawa untuk memilih 300 orang pekerjanya yang terdiri dari lelaki dan perempuan BSP, Brunei LNG dan BSM untuk mewakili syarikat ini dalam upacara barisan kehormat dan baris lalu.



KERJA-KERJA bagi Lapangan Terbang Anduki diteruskan dengan pembinaan dua landasan helikopter tambahan dan letak-letak kereta. (gambar atas)

